

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**KERANGKA KAEDAH PENGAJARAN
BERASASKAN URUTAN PENGUASAAN
TATABAHASA BAHASA ARAB PELAJAR
SEKOLAH MENENGAH**

MOHAMAD FATHIE BIN MOHAMAD ZAKI

Thesis submitted in fulfillment
of the requirements for the degree of
Master in Applied Language Studies

Akademi Pengajian Bahasa

July 2025

ABSTRAK

Penguasaan tatabahasa bahasa Arab adalah penting bagi mencapai kemahiran berbahasa seperti kemahiran menulis dan bertutur. Kajian-kajian lepas telah menemui para pelajar masih belum menguasai dengan baik beberapa aspek tatabahasa Arab. Oleh itu, kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti urutan penguasaan tatabahasa bahasa Arab pelajar dan kaedah pengajaran yang diamalkan oleh guru bahasa Arab dalam pengajaran dan pembelajaran tatabahasa bahasa Arab. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan memfokuskan kepada kajian kes pelbagai tempat. Bagi mencapai objektif kajian, data dikumpul melalui kaedah temu bual semi struktur dengan menggunakan persampelan bertujuan. Teknik analisis tematik digunakan bagi proses penganalisan data dengan menggunakan aplikasi perisian *Nvivo 12*. Sampel kajian yang terlibat terdiri daripada sepuluh orang pelajar tingkatan empat dan sembilan orang guru bahasa Arab. Pemilihan responden adalah daripada beberapa buah sekolah yang terdiri daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) sekitar negeri Perlis dan Kedah. Hasil kajian membuktikan bahawa terdapat urutan penguasaan *al-kalimāt* dan *at-tarākīb* yang mudah dan sukar dikuasai pelajar. Bagi pembahagian *al-kalimāt*, dapatan kajian menunjukkan bahawa kata nama *muzakkar* lebih mudah dikuasai berbanding kata nama *muannath*. Selain itu, untuk aspek kata nama bilangan, para pelajar lebih mudah menguasai *mufrad* berbanding kata nama *muthannā* dan *jama'*. Bagi urutan kata nama *jama'* pula, dapatan kajian mendapati *jama' muzakkar sālim* paling mudah dikuasai pelajar berbanding *jama' muannath sālim* dan paling sukar dikuasai ialah *jama' taksīr*. Seterusnya bagi kata kerja, dapatan kajian menunjukkan bahawa kata kerja *māḍī* paling mudah dikuasai berbanding kata kerja *muḍāri'* dan kata kerja *amar*. Urutan penguasaan tatabahasa dalam pembahagian *at-tarākīb* pula menunjukkan bahawa pelajar lebih mudah menguasai *al-jumlat al-fi'liyyat* berbanding *al-jumlat al-ismiyyat* manakala bagi pembinaan frasa pula, pelajar lebih mudah menguasai *at-tarkīb an-na'tī* berbanding *at-tarkīb al-idāfī*. Selain itu, dapatan kajian turut membuktikan terdapat kepelbagaian kaedah dan metode pengajaran tatabahasa yang diamalkan oleh guru bahasa Arab merangkumi kaedah pengajaran berpusatkan guru seperti kaedah syarahan, kaedah *naḥwū* terjemahan dan kaedah pengulangan (*at-tikrār*) serta kaedah pengajaran berpusatkan pelajar seperti kaedah guru muda, kaedah nyanyian dan kaedah latih tubi. Justeru, hasil kajian ini dapat dijadikan panduan dan rujukan kepada ahli akademik serta menyumbang kepada penyusunan kurikulum tatabahasa bahasa Arab mengikut urutan penguasaan pelajar di samping dapat memberi cadangan kepada para guru dalam merancang dan menggunakan kaedah pengajaran berasaskan urutan penguasaan pelajar dalam pedagogi tatabahasa bahasa Arab.

Kata Kunci: Urutan penguasaan; tatabahasa bahasa Arab; kaedah pengajaran; guru Malaysia

PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji dan syukur dirafa'kan kepada Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan inayahNya atas segala nikmat kurniaan yang tidak terhitung banyaknya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar baginda Nabi Muhammad S.A.W.

Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia utama, Dr. Ummi Syarah binti Ismail yang banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan serta dorongan yang tidak pernah terhenti dari awal hingga tamat penulisan tesis ini. Tidak dilupakan juga buat pembantu penyelia iaitu Dr. Nadhilah binti Abdul Pisal atas segala bimbingan dan sokongan yang jitu agar pengkaji terus komited untuk menyelesaikan kajian yang dijalankan.

Di samping itu, pengkaji juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada para pensyarah, guru, sahabat handai serta individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang kajian ini dijalankan. Terima kasih atas segala nasihat, sumbangan idea, bahan ilmiah dan sebagainya bagi memastikan kajian ini dapat diselesaikan dengan jayanya.

Di kesempatan ini juga, pengkaji ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada isteri tercinta, Noorharyani binti Ismail atas segala pengorbanan dan sokongan serta kata-kata semangat dalam memastikan kajian ini dapat diselesaikan dengan baik dan cemerlang. Seterusnya, sekalung budi dan jasa ditaburkan buat ibunda dan ayahanda tercinta, dan Mohamad Zaki bin Mahmood serta adik-adik yang turut terlibat sebagai peransang dan pembakar semangat buat pengkaji agar terus berjaya dalam pelajaran.

Akhir sekali, moga usaha dan kajian yang dijalankan ini dapat memberi manfaat kepada manusia sejagat khususnya individu yang mempelajari dan mengajar bahasa Arab sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Mohamad Fathie bin Mohamad Zaki
Pelajar Ijazah Sarjana Universiti Teknologi Mara cawangan Perlis
2025

ISI KANDUNGAN

	Page
CONFIRMATION BY PANEL EXAMINERS	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiv
SISTEM TRANSLITERASI HURUF ARAB	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI TERJEMAHAN	xvii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	3
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Batasan Kajian	7
1.7.1 Tajuk-Tajuk Tatabahasa Bahasa Arab	7
1.7.2 Lokasi Kajian	8
1.7.3 Responden Kajian	8
1.8 Kerangka Teoretikal Kajian	9
1.9 Definisi Operasional	10
1.10 Organisasi Penulisan	11
1.11 Kesimpulan	12
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	13
2.1 Pendahuluan	13

BAB 1


PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab pertama merupakan bab pengenalan yang akan membincangkan latar belakang kajian serta menjelaskan secara ringkas mengenai fokus kajian. Bab pertama ini juga turut akan membincangkan permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka teoretikal, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional dan juga organisasi penulisan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bahasa Arab merupakan antara bahasa tertua di dunia dan mula bertapak di Malaysia setelah kedatangan agama Islam di rantau ini. Sebelum ini, bahasa Arab hanya dipelajari secara tidak langsung melalui kuliah dan pengajian agama seperti pengajian al-Quran, kelas Fardhu Ain dan lain-lain yang berteraskan kitab dan sumber tulisan bahasa Arab. Bahasa Arab mula dipelajari secara formal setelah penubuhan sekolah-sekolah pondok pada kurun ke-18 masihi (Mustapa & Arifin, 2012). Kini bahasa Arab kian diberikan perhatian dan mendapat status yang istimewa apabila bahasa tersebut telah diwujudkan dalam silibus pendidikan kebangsaan dan diwajibkan kepada setiap pelajar yang beragama Islam untuk mempelajarinya bermula daripada peringkat rendah, menengah hingga peringkat pengajian tinggi. Sejurus dengan hasrat yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat (YAB) Mantan Perdana Menteri kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mewujudkan subjek bahasa Arab di sekolah-sekolah kebangsaan dan menengah, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah merangka dan menghasilkan silibus bahasa Arab untuk digunakan di sekolah-sekolah berkaitan (Muhamad et al., 2013).



Rajah 1.1 Kronologi pendidikan bahasa Arab di Malaysia